

Newspaper	Berita Harian
Date	9 December 2015



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015

MT teliti ucapan Muhyiddin, Mahathir

» Jawatankuasa Khas siasat majlis di Kelab Sultan Sulaiman sebelum ambil tindakan wajar

■ Kuala Lumpur

Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin kemungkinan hilang jawatan dalam parti kerana ucapannya di Kelab Sultan Sulaiman malam kelmarin yang didakwa melanggar etika dan perlembagaan parti.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata ucapannya melampaui batas apabila berterusan mengkritik kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak, termasuk mendesak peletakan jawatan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO.

Tengku Adnan menegaskan Muhyiddin tidak sepatutnya membawa hal ehwal dalaman parti ke pengetahuan umum, sebaliknya menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan pandangannya.

Justeru, video ucapan Muhyiddin yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan diserahkan kepada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di bawah Sekretariat Ibu Pejabat UMNO untuk diteliti sebelum dirujuk kepada Lembaga Disiplin dan Majlis Tertinggi (MT) UMNO bagi tindakan lanjut.

"Saya dengar ucapan dia (Tan Sri Muhyiddin) sehingga jam 3



Tengku Adnan berbual dengan kakitangan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Pavilion Media Prima di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

pagi dan saya mengenal pasti wajah-wajah yang turut hadir. Saya juga beri (rakaman video) kepada Jawatankuasa Khusus untuk penelitian dan kemudian kita akan bawa ke perhatian Lembaga Disiplin dan MT untuk tindakan selanjutnya.

Keputusan Lembaga Disiplin

"Beliau (Muhyiddin) mungkin akan kehilangan jawatannya bergantung kepada keputusan Lembaga Disiplin... mungkin itu yang beliau hasratkan," katanya selepas melancarkan Adinda, inisiatif terbaharu Puteri UMNO, di ruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini semalam.

Tengku Adnan berkata demi-

kian ketika diminta Muhyiddin di Majlis Bersama Timbalan Presiden UMNO, di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan pemimpin veteran UMNO, Tan Sri Aziz Yassin.

Tengku Adnan yang juga Menteri Wilayah Persekutuan mempertahankan tindakannya yang didakwa mengeluarkan kenyataan keras terhadap Muhyiddin apabila menyifatkan kenyataan dikeluarkan atas kapasiti Setiausaha Agung.

"Timbalan Presiden patut tahu apa yang tertera dalam perlembagaan, kita parti siasah yang

mempunyai struktur, kita ada perlembagaan, apatah lagi Timbalan Presiden mengeluarkan kenyataan dalam ucapannya malam tadi (kelmarin).

"Dia sudah bersetuju dalam mesyuarat Majlis Tertinggi yang lalu, bukan yang dia tak ada baru-baru ini. Dia sendiri sudah tahu dan kita semua sepakat, apa-apa masalah parti bawa dalam parti, bukan cerita dengan pihak luar.

"Mana boleh rahsia, kekuatan parti kita ceritakan di luar, kita sesama kita la... kalau nak kata keras, keraslah. Saya dah kata semalam, kalau nak berucap, berucaplah, tetapi jangan melampaui batas," katanya.

"Beliau (Muhyiddin) mungkin akan kehilangan jawatannya bergantung kepada keputusan Lembaga Disiplin. Beliau tidak sepatutnya membawa hal ehwal dalaman parti ke pengetahuan umum, sebaliknya menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan pandangan"

Tengku Adnan Tengku Mansor, Setiausaha Agung UMNO

"Ada 35 menteri Kabinet, jadi mengapa apabila beliau bertemu Perdana Menteri. Beliau seorang yang merasakan Perdana Menteri perlu berehat? Bagaimana dengan kami menteri lain dalam Kabinet bertemu dan bercakap mengenai 1MDB dengan Perdana Menteri?"

Nazri Aziz, Ahli MT UMNO

BH-9/12/2015